

PUSAT KHIDMAT HASIL (PKH) LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENGENALAN

Pusat Khidmat Hasil LHDNM merupakan pusat khidmat pelanggan yang menyediakan perkhidmatan seperti berikut;

- 1. PERKHIDMATAN DUTI SETEM**
- 2. KHIDMAT NASIHAT AM CUKAI PENDAPATAN**
- 3. PERKHIDMATAN YANG DIARAHKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (BR1M)**

A. PERKHIDMATAN DUTI SETEM

Duti Setem dikenakan ke atas surat cara dan bukan transaksi. Surat cara didefinisikan sebagai setiap dokumen bertulis dan pada amnya duti setem dikenakan ke atas surat cara jenis undang-undang, komersial dan urusan kewangan. Orang yang dikenakan duti adalah orang seperti yang disenaraikan di bawah Jadual 3 Akta Setem 1949. Taksiran dan Pungutan Duti Setem diperuntukkan di bawah undang-undang statut yang dikenali sebagai Akta Setem 1949.

KAEDAH PENYETEMAN

- i) **Setem Tertera** menggunakan Sistem Frangki Digital;
- ii) **Sijil Setem**. Bagi permohonan penyeteman melalui STAMPS, Sijil Setem akan dijana secara elektronik sebagai bukti penyeteman. Sijil Setem perlu dikepilkhan atau dilekatkan kepada mana-mana surat cara bagi membolehkan ianya dianggap telah disetemkan dengan sewajarnya.
- iii) **Setem Hasil**. Setem hasil boleh di dapat di semua Pejabat Pos seluruh Malaysia. Terdapat sembilan denominasi Setem Hasil iaitu :
 - 15 sen, 50 sen,
 - RM1.00, RM5.00, RM10.00, RM25.00, RM50.00,
 - RM100.00 dan RM250.00.

Pembatalan Setem Hasil ke atas surat cara-surat cara boleh dilakukan di Pejabat Setem Cawangan, Pusat Khidmat Hasil dan Pejabat Setem Daerah. Manakala Sek. 2 Akta Setem 1949 memberi kuasa kepada mana-mana orang tertentu untuk membatalkan setem pelekat.

- **Duti Kompaun**. Kaedah ini dikhaskan kepada bayaran duti secara kompaun ke atas cek, polisi insurans, nota kontrak, Memorandum of Association & Article of Association, TNB Electric Supply Form, oleh pihak yang di peruntukkan di dalam Seksyen 9 Akta Setem 1949.
- **Resit Kew 38**. Penyeteman dibuat melalui pengeluaran Resit Kewangan 38

CARA PEMBAYARAN DI KAUNTER PKH

Pembayaran duti setem yang boleh dibuat di Pusat Khidmat Hasil adalah seperti cara berikut :

- Wang tunai atau
- Setem Hasil (jika duti atas sesuatu dokumen tidak melebihi RM500) atau
- Kiriman Wang, Wang Pos, Cek Akaun Anak Guam atau Draf Bank di atas nama Pemungut Duti Setem dan hendaklah disertakan bersama-sama dengan surat cara yang berkenaan kepada pejabat setem secara serahan tangan.

B. PERKHIDMATAN KHIDMAT NASIHAT AM CUKAI PENDAPATAN

Bagi memudahkan pembayar cukai dan orang awam membuat semakan dan pertanyaan berkaitan Cukai pendapatan, Pusat Khidmat Hasil turut menyediakan kaunter bagi pertanyaan umum mengenai cukai pendapatan, membuat semakan lejer, penghantaran borang manual atau e-filing dan lain-lain pertanyaan berkaitan cukai pendapatan. Namun, semakan dan tindakan lanjut berkaitan taksiran dan pungutan perlu dirujuk kepada Cawangan di mana fail pembayar cukai berada.

C. PERKHIDMATAN YANG DIARAHKAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN SEPERTI BR1M

Sebagai agensi yang diberi kepercayaan untuk menyelesaikan dan melaksanakan BR1M, Pusat Khidmat Hasil, LHDNM seluruh Malaysia turut menyediakan perkhidmatan seperti berikut;

- Menerima Permohonan BR1M
- Semakan dan Pertanyaan Status BR1M
- Rayuan BR1M